

Ucapan ADHO
410
29/80

Ucapan Y. B. Menteri, Enche Hussein Onn
di-Dalam Perbahathsan Akhta Pindaan
Perlembagaan di-Dewan Ra'ayat pada 3.3.71

Yang di-Pertua,

Saya bersetuju sapenoh-nya dengan Yang Berhormat dari Bandar Melaka bahawa keputusan yang akan di-ambil oleh Dewan ini adalah sangat penting. Tidak pernah sabelum ini kesetabilan, keaamanan dan kema'amoran negara kita bergantung begitu banyak kapada perundingan, pertimbangan dan keputusan kita.

2. Apa yang kita utamakan hari ini, hari membuat keputusan, ialah Demokerasi Berpalimen ia-itu satu sistem yang mana kita semua hargai dan banggakan. Satu-satu-nya daripada shor2 yang kita semua di-minta menimbang dan meluluskan ialah untok menyekat kebebasan kita sendiri daripada berchakap di-dalam Dewan ini berkenaan perkara2 sensitif yang tertentu sahaja.

3. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu, mungkin tidak bagitu serious atau mungkin beliau menyindir apabila beliau menyentoh kapada perkara2 ini sebagai "perkara2 yang konon-nya di-katakan sensitif". Mungkin pada pendapat Y.B. dari Bandar Melaka "perkara2 tersebut konon-nya sensitif", tetapi kapada saya, dan kapada rakan2 saya yang lain di-sini dan kapada mereka yang ramai di-luar Dewan ini perkara2 ini sa-benar2-nya sensitif. Tentu sekali kita boleh menyoal mereka sa-bagaimana mereka itu telah di-tanya tetapi ini akan membahayakan diri kita sendiri saperti yang telah di-boktikan oleh peristiwa 13 Mei.


4. Tidak sa-orang pun Ahli2 Yang Berhormat dalam Dewan ini mahu dengan sukarela-nya menyekat kebebasan berchakap kechuali sangat2 di-perlukan demi kepentingan negara. Peristiwa 13hb. Mei, telah menggegarkan negara kita. Peng-gegarakan dari peristiwa ini jangan-lah kita lupakan. Sekira-nya kita lupa, negara kita kemungkinan menghadapi satu lagi persengketaan kaum yang lebeh dahshat. Semata2 dengan tujuan2 ini-lah

maka kita hendak meminda beberapa peruntukan tertentu di-dalam Perlembagaan kita itu. Kita semua adalah wakil2 yang di-pilih oleh ra'ayat. Ra'ayat telah meletakkan keperchayaan mereka ka-atas kita. Ra'ayat telah meletakkan tanggung-jawab yang berat dan penting ka-atas bahu kita. Mereka mengharapkan dan berkehendakkan tugas kita dengan penuh tanggung-jawab. Mereka mengharapkan dan berkehendakkan kita supaya mengutamakan kepentingan negara pada sa-tiap waktu.

5. Kerajaan telah di-tudoh, sedang di-tudoh dan akan terus di-tudoh bersikap diktator. Chadangan Kerajaan hendak meminda Perlembagaan ini telah di-tafsirkan oleh DAP dan PPP sabagai satu helah untok memperkukoh, memperluaskan dan mengekalkan kuasa2 dan tindakan2 diktator kerajaan. Rekod Kerajaan selama ini dan terutama sekali dalam masa dharurat baru2 ini telah membuktikan bahawa segala tudohan2 ini adalah dusta semata-mata. Tambahan lagi, kejayaan2 yang telah di-chapai oleh kerajaan dalam masa yang begitu sengkat di-antara lain dalam bidang ekonomi, pelajaran dan sosial sangat mengkagumkan. Hanya Ahli2 Yang Berhormat dari Bandar Melaka, Bungsar, Kampar dan Mengelembu sahaja yang enggan mengakui-nya. Mereka-lah ahli2 politik yang berjuang matian2 untok parti, mempermainkan emosi ra'ayat tanpa mempunyai sedikit unsur ketatanegaraan pun di-dalam jiwa mereka.

6. Seram sejok seluroh badan saya memikirkan apa-kah akibat-nya jika apa yang berlaku di-Kuala Lumpur pada 13hb. Mei baru2 ini merebak ka-tempat2 lain dalam negara ini. Semata2 tindakan Kerajaan yang di-jalankan sebegitu chepat, tegas dan efektif sahaja yang dapat menyelamatkan negeri, menyelamatkan ra'ayat dan menyelamatkan negara kita dari kejadian2 yang burok yang tentu sekali akan berlaku sekiranya tiada tindakan yang di-nyatakan itu.

7. Pemimpin2 dan Ahli2 dari Parti2 Pembangkang di-dalam Dewan ini, kechuali mereka dari DAP dan PPP telah menunjukkan satu tindakan ketatanegaraan yang boleh di-puji kerana menyokong pindaan Akta Perlembagaan ini. Mereka itu lebeh2 lagi mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan parti2 mereka sendiri.
8. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sengaja tidak berchakap dengan sebegini lanjut dalam menyokong pindaan ini. Ramai ahli2 telah beruchap sabelum saya dengan memberi sebab2 dan bagaimana perlu-nya bagi pindaan2 tersebut. Bagi saya berchakap lagi berkenaan dengan ini berma'ana saya mengulangi-nya lagi dan dengan sekali ini akan membosankan Tuan Yang Di-Pertua sabagaimana perbuatan ini akan juga membosankan Yang Berhormat2 yang lain. Dan lagi Tuan Yang Di-Pertua, kami semua di-sebelah sini di-dalam Dewan ini telah di-lemparkan dengan hujah2 berkenaan dengan "socialism democratic" yang menjemu-jelakkan di-dalam tempoh beberapa hari ini.
9. Saya juga dengan sengaja-nya tidak mahu menjawab tudohan-tudohan yang di-tujukan oleh beberapa orang ahli bersabit dengan soal2 pelajaran. Setengah2 daripada tudohan ini sama sekali tidak benar; setengah2 daripada-nya berasaskan kapada ma'aloman2 yang salah dan setengah2-nya pula berdasarkan kapada khabar2 angin yang kosong. Hari ini bukan masa-nya bagi saya menjawab tudohan-tudohan ini. Ada masa yang lain dalam mana saya akan menjawab tudohan-tudohan ini nanti.
10. Akhir sekali Tuan Yang Di-Pertua, saya berharap suatu sulohan dan bukan-nya api yang membakar, pertimbangan dan bukan-nya emosi, kepentingan negara dan bukan-nya kepentingan parti, akan menjadi panduan bagi Ahli2 Politik yang keras kepala ini untok mengundi ka-atas pindaan Akta Perlembagaan ini.



... dan ahli dari Parti Kebangsaan di dalam
 ... dan PPK telah menunjukkan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan

... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan

... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan
 ... dan Parti Kebangsaan



No Siri	11
No Penerimaan	11/80